



SEORANG penduduk Kampung Tok Muda, Kapar, Klang melihat ban yang rosak hingga tidak mampu menahan air laut yang melimpah hingga masuk ke dalam rumah semalam.



AIR laut melimpah masuk ke dalam beberapa buah kampung di sekitar Klang selepas ban yang dibina daripada tanah rosak.



PENDUDUK di beberapa buah kampung di sekitar Klang merayu pihak berkuasa membina ban yang kekal supaya mimpi ngeri tidak lagi menghantui hidup mereka.

Penduduk tidak mahu kejadian sama berulang pada masa akan datang

Segera baik pulih benteng

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KLANG — Rata-rata penduduk yang menjadi mangsa fenomena air pasang besar sejak Ahad lalu mahu pihak berkuasa segera membaiki ban atau benteng bagi mengelakkan kejadian terburuk itu menyelubungi hidup mereka lagi.



Penduduk Kampung Tok Muda, Kapar di sini, Zamir Samuhi, 34, berkata, ban yang dibina sejak 1997 itu kini makin terhakis dan terdapat beberapa kawasan sudah mula pecah.

"Jika perkara ini tidak ditangani segera saya bimbang air laut akan kembali memasuki kawasan kampung dan seterusnya akan menenggelamkan kediaman penduduk yang berada di berdekatan laut seperti saya. "Selepas kejadian itu, banyak kawasan ban yang pecah serta semakin rendah akibat dibawa arus laut," ceritanya ketika ditemui di sini semalam.

Tambahnya, dia mencadangkan agar pihak berkuasa membina ban kekal menggunakan beg pasir atau batu yang boleh tahan lebih lama berbanding menggunakan tanah yang ditambak ketika ini.

Senada dengan cadangan tersebut, Ahmad Hussaeni (**gambar kecil**), 46, pula mendakwa, ban di depan rumahnya kini semakin terhakis dan terdapat banyak rekahan serta pecah. "Ban sedia ada mengalami hakisan teruk kerana dibawa arus kuat. Saya bimbang selagi ban ini tidak dibaiki, air laut akan mudah melimpahi kawasan



MUHAMMAD NAZRI KHAIRI (kiri) bersama kembarnya, Muhammad Nazrin memindahkan burung kesayangan mereka ke tempat selamat di Kampung Bagan Pancor semalam.



SEBUAH premis di Kampung Tok Muda ditenggelami air ekoran fenomena air pasang besar yang melanda kawasan itu sejak Ahad lalu.

kampung," katanya.

Ujar Ahmad, pihak berkuasa menasihatinya bersama 35 lagi keluarga supaya tidak pulang ke rumah selagi ban tidak dibaik pulih memandangkan fenom-

ena itu belum berakhir.

Kesemua penduduk kampung itu yang terjejas kini ditempatkan di Dewan Orang Ramai Kampung Tok Muda di sini.

Lebih 400 mangsa air pasang besar dipindahkan

SHAH ALAM — Sebanyak 221 orang daripada 52 buah keluarga telah dipindahkan ke tiga pusat pemindahan mangsa banjir di sekitar Selangor berikutan fenomena air pasang besar yang berlaku sejak Ahad lalu.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd. Sani Harul berkata, mangsa yang terlibat adalah penduduk dari Kampung Sungai Air Tawar, Sabak Bernam (57 orang), Kampung Tok Muda, Kapar, Klang (152 orang) dan Kampung Tok Adam, Tanjung Karang (15 orang).

"Tiga pusat pemindahan itu dibuka di Dewan Kampung Tok Muda, Balai Raya Lorong Hamzah 2, Kampung Tok Adam dan Dewan Orang Ramai Sungai Air Tawar," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd. Sani berkata, beberapa kawasan di sekitar daerah Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam turut terjejas.

"Bagi daerah Sepang dan Kuala Langat tiada limpahan air laut dilaporkan,"ujarnya.

Sementara itu di **Alor Setar, Kedah**, pihak berkuasa telah membuka tiga pusat pemindahan di daerah Kuala Muda ekoran fenomena yang sama.

Pegawai Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Muda, Leftenan Muda Pertahanan Awam, Azahar Ahmad berkata, seramai 132 orang dari 30 keluarga dipindahkan setakat pukul 9 pagi semalam.

Pusat tersebut ialah di Dewan Kampung Paya yang menempatkan 85 orang dari 17 keluarga, Surau Kampung Sungai Yu yang menempatkan 39 orang dari 10 keluarga dan Sekolah Kebangsaan Seri Kuala yang menempatkan lapan mangsa dari tiga keluarga.

"Air mula naik pada pukul 3 pagi dan penduduk dipindahkan selepas paras air mencecah satu meter. Bagaimanapun trend ombak besar telah menunjukkan penurunan berbanding Ahad lepas yang mencatatkan ketinggian 2.9 meter," katanya.



SEBUAH rumah yang terletak berhampiran laut ditenggelami air di Teluk Intan semalam.



SEORANG penunggang motosikal meredah air yang melimpahi kawasan Terminal Penumpang Pelabuhan Selatan, Klang semalam.